A

Sasila bt Basri dan lain-lain lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO MA-42(ORS)-2–06 TAHUN 2020
MOHD RADZI ABDUL HAMID H
28 OGOS 2024

C *Undang-undang Jenayah — Pengubahan wang haram — Pelucuthakkan harta — Tuntutan oleh pihak ketiga peguam — Sama ada pihak ketiga mempunyai kepentingan yang sah terhadap harta yang disita — Sama ada terdapat peruntukan undang-undang yang membenarkan pihak ketiga memperoleh harta yang disita — Sama ada peguam boleh dibayar yuran guaman dari harta yang*
D *disita — Sama ada menyalahi hak peguam pihak ketiga menurut perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan — Perlembagaan Persekutuan perkara 5(4) — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ss 44, 61 & 64*

E Ini adalah rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang menolak permohonan perayu-perayu untuk menerima yuran guaman asing-masing dari harta yang telah disita dan disenaraikan di dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan PU (B) 365 bertarikh 1 November 2012. Kesemua perayu adalah peguam yang telah mewakili anakguam masing-masing yang
F merupakan pihak ketiga ('pihak ketiga') dalam satu tuntutan terhadap harta yang disita di bawah s 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Di akhir pendengaran tuntutan pihak ketiga, hakim MS telah mendapati bahawa pihak ketiga adalah penuntut yang suci hati dan membuat perintah untuk harta yang
G disita dilepaskan kepada pihak ketiga itu. Keputuan itu telah dirayu oleh pihak pendakwaan ke Mahkamah Tinggi di mana mahkamah memutuskan bahawa harta disita itu merupakan hasil daripada aktiviti haram dan harus dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Tidak berpuas hati dengan keputusan itu, pihak ketiga kemudiannya memfailkan rayuan ke Mahkamah
H Rayuan melalui dua notis rayuan. Sementara rayuan itu didengar dan diputuskan, perayu-perayu yang merupakan peguam kepada pihak ketiga telah memfailkan permohonan bertarikh 8 Januari 2020 supaya yuran guaman setiap mereka dibayar dari harta disita tersebut memandangkan anak guam mereka tidak berkemampuan untuk membayar yuran guaman kerana aset
I mereka terikat dengan sitaan tersebut. Rayuan pihak ketiga telah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan pada 22 November 2023. Mahkamah dimaklumkan bahawa perkara rayuan itu telah diselesaikan antara pihak-pihak dan satu perintah telah direkodkan. Mahkamah telah menyemak minit perbicaraan di Mahkamah Rayuan dan berdasarkan perintah bertarikh

22 November 2023 tersebut, perayu-perayu telah bersetuju menuntut hanya 40% daripada jumlah tuntutan sebagai amaun penyelesaian penuh dan muktamad. Di dalam keputusannya, HMS telah mendapati berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusannya yang dibuat lebih awal, permohonan perayu-perayu di dalam rayuan ini harus ditolak kerana harta disita tersebut telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi sebagai hasil dari aktiviti haram dan wajar dilucuthakkan. Sandaran telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Lim Long Yew dan lain-lain lwn Pendakwa Raya (Md Shukri bin Shahudin dan lain-lain, pihak ketiga)* [2017] 9 MLJ 787, di mana telah diputuskan bahawa yuran guaman penuntut tidak boleh dibayar dari wang responden yang disita dan telah diklasifikasikan sebagai wang dari aktiviti haram. Di dalam kes itu, HMS telah berpendapat bahawa wang yang telah diklasifikasikan sebagai hasil aktiviti haram tidak boleh dikeluarkan untuk apa-apa tujuan melainkan dilucuthakkan.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan keputusan mahkamah sesyen:

(1) Perayu-perayu tidak mempunyai kepentingan yang sah ke atas harta yang disita itu atas alasan: (a) perayu-perayu bukan peguam responden, maka hubungan atau 'nexus' perayu-perayu dengan responden dan harta di sita adalah jauh atau 'remote'; (b) tiada hubungan kontrak antara perayu-perayu dengan responden bagi khidmat guaman; (c) perayu-perayu tidak mempunyai apa-apa penghakiman terhadap responden yang memberi hak kepada perayu-perayu ke atas harta responden; dan (d) kepentingan untuk dibayar adalah terhadap pihak ketiga sebagai anakguam (lihat perenggan 22).

(2) Tindakan membenarkan tuntutan yuran guaman pihak ketiga terhadap harta responden yang disita bukan sahaja tidak diperuntukkan di bawah AMLATFA tetapi juga akan menyebabkan mana-mana pihak ketiga bebas untuk tidak membayar yuran guaman peguamnya dan membiarkan peguam tersebut menuntut terhadap harta disita. Ini adalah tidak selaras dengan undang-undang mengenai tujuan sitaan dan pelucutanhak hasil dari aktiviti haram dan membolehkan satu salahguna undang-undang untuk responden berpakat dengan pihak ketiga untuk membolehkan harta disita dikecualikan atas alasan pembayaran yuran guaman seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co v Public Prosecutor* [2023] 4 MLJ 1 (lihat perenggan 24).

(3) Seksyen 61(4) tidak memberi satu saluran atau 'conduit' kepada pihak ketiga yang peguamnya mempunyai hak tuntutan yuran guaman terhadapnya untuk membolehkan peguam itu menuntut terhadap harta responden. Pada pendapat mahkamah ini, tuntutan pihak ketiga yang suci hati adalah terhad kepada hak yang pihak ketiga itu secara langsung

mempunyai kepentingan yang sah ke atas harta disita dan tidak terjangkau kepada mana-mana pihak lain yang mempunyai hak kewangan terhadapnya. Mahkamah tidak berpendapat mana-mana peruntukan s 64(3) memberi pengecualian kepada perkara itu. Maka, perayu-perayu tidak termasuk di dalam golongan pihak ketiga yang suci hati mempunyai kepentingan sah terhadap harta tertuduh (lihat perenggan 26).

(4) Oleh kerana tuntutan perayu-perayu tidak termasuk dalam ruang lingkup s 44(3) mahupun s 64(1) AMLATFA, maka hujahan mengenai hak pihak ketiga untuk boleh membayar kos guamannya di bawah perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai merit. Pada pendapat mahkamah hujahan itu tidak mempunyai kaitan dengan hak peguam untuk mendapatkan yuran guamannya. Hujahan berkenaan perkara 5(3) telah disinggung oleh Mahkamah Persekutuan di dalam *Wan Shahrizal* (lihat perenggan 29).

[English summary

This was an appeal against the decision of the session court judge ('SCJ') in dismissing the appellants' application to receive their respective legal fees from the property that has been seized and listed in the Federal Government *Gazette* PU (B) 365 dated 1 November 2012. All the appellants were lawyers who have represented their respective clients who were the third parties ('third parties') in a claim against the property seized under s 61 of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('AMLATFA'). At the end of the hearing of the third party's claim, the SC judge has found that the third party was a bona fide claimant and made an order for the seized property to be released to the third party. The decision was appealed by the prosecution to the High Court where the court ruled that the seized property was the result of illegal activities and should be forfeited to the Malaysian Government. Dissatisfied with the decision, the third party then filed an appeal to the Court of Appeal through two notices of appeal. While the appeal was being heard and decided, the appellants who were lawyers for the third party filed an application dated 8 January 2020 for their legal fees to be paid from the seized property since their clients are unable to pay legal fees because their assets are tied to the seizure. The third party's appeal was heard and decided by the Court of Appeal on 22 November 2023. The court was informed that the matter of the appeal had been settled between the parties and an order had been recorded. This court has reviewed the minutes of the hearing at the Court of Appeal and based on the order dated 22 November 2023, the appellants have agreed to claim only 40% of the total claim as a full and final settlement. In its decision, SCJ has found that based on the decision of the High Court which has allowed the prosecution's appeal against its decision made earlier, the application of the appellants in this appeal should be dismissed because the seized property has been decided by the High Court as

the result of illegal activities and ought to be forfeited. Reliance was made on the decision of the High Court in the case of *Lim Long Yew dan lain-lain lwn Pendakwa Raya (Md Shukri bin Shahudin dan lain-lain, pihak ketiga)* [2017] 9 MLJ 787, where it was decided that the claimant's legal fees could not be paid from the respondent's money that was seized and has been classified as money from illegal activities. In that case, SCJ has opined that money that has been classified as the proceeds of illegal activities cannot be released for any purpose other than forfeited.

Held, dismissing the appeal and upholding the decision of the session court:

(1) The appellants did not have a legitimate interest in the seized property on the grounds that: (a) the appellants were not the respondent's lawyers, so the relationship or 'nexus' of the appellants with the respondent and the seized property was distant or 'remote'; (b) there was no contractual relationship between the appellants and the respondents for legal services; (c) the appellants did not have any judgment against the respondent which gives the appellants rights over the respondent's property; and (d) the interest owed was to a third party as a client (see para 22).

(2) The act of allowing a third party's legal fee claim against the respondent's seized property was not only not provided for under AMLATFA but will also cause any third party to be free not to pay his lawyer's legal fees and let the lawyer claim against the seized property. This was inconsistent with the law regarding the purpose of seizure and dispossession of proceeds from illegal activities and allows a misuse of the law for the respondent to collude with a third party to allow the seized property to be exempted on the grounds of payment of legal fees as decided by the Federal Court in the case of *Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co v Public Prosecutor* [2023] 4 MLJ 1 (see para 24).

(3) Section 61(4) did not provide a channel or 'conduit' to a third party whose lawyer has the right to demand legal fees against him to enable the lawyer to claim against the respondent's property. In the opinion of this court, the claim of a third party in good faith was limited to the rights that the third party directly has a legitimate interest in the seizedd property and was not accessible to any other party that has financial rights to it. The court did not think that any of the provisions of s 64(3) provided an exception to the matter. Therefore, the appellants were not included in the group of third parties who have a legitimate interest in the accused's property (see para 26).

(4) As the claim of the appellants was not included in the scope of s 44 (3) nor s 64 (1) of the AMLATFA, the contention regarding the third party's right to be able to pay his legal costs under art 5(3) of the Federal Constitution has no merit. In the court's opinion the argument had no

bearing on the lawyer's right to his legal fees. The argument art 5(3) was touched upon by the Federal Court in *Wan Shahrizal* (see para 29)]

Cases referred to

Deputy Public Prosecutor v Amar Asyraf bin Zolkepli (Public Islamic Bank Bhd, third party) (Messrs Wan Shahrizal, Hari & Co, intervener) [2020] 12 MLJ 287, MR (dirujuk)

Datuk Tan Leng Teck v Sarjana Sdn Bhd & Ors [1997] 4 MLJ 329; [1997] 3 CLJ 421, MT (dirujuk)

Kanagasingam a/l Anantham v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 4 MLJ 103; [2019] 7 CLJ 600, MR (dirujuk)

Lim Long Yew dan lain-lain lwn Pendakwa Raya (Md Shukri bin Shahudin dan lain-lain, pihak ketiga) [2017] 9 MLJ 787, MT (dibeza)

Malaysian Motor Insurance Pool v Tirumeniyar a/l Singara Veloo [2020] 1 MLJ 440; [2019] 10 CLJ 731, MP (diikut)

Mat Shah bin Mohamed & Anor v Foo Say Meng & Ors [1984] 1 MLJ 237, FC (refd)

Md Sukri bin Salleh & 10 Others v Public Prosecutor (Rayuan Jenayah No W-09–432–11 Tahun 2016) (tidak dilaporkan), MR (dibeza)

Pendakwa Raya lwn Amar Asyraf bin Zolkepli (Public Islamic Bank Bhd, pihak ketiga), (Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co, pencelah) [2019] MLJU 231; [2019] 1 LNS 276, MT (dibeza)

Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Tan Boon Ee dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2021] MLJU 1259; [2021] CLJU 1084, MR (diikut)

Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co v PP [2023] 4 MLJ 1, MP (dirujuk)

Vishnu a/l Telagan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 6 MLJ 1; [2019] 9 CLJ 177, MP (dirujuk)

Legislation referred to

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ss 44, 44(3), (3)(b)(v), 61, 64(3), (4) , (4)(d)

Perlembagaan Persekutuan perkara 5(3)

Sahidawati bt Dollah (Sasila Basri & Co) bagi pihak perayu pertama, kedua dan keempat.

Mohd Nabilalif bin Mohd Rosli (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka) bagi pihak responden.

Mohd Radzi Abdul Hamid H: Ini adalah keputusan mahkamah terhadap rayuan yang telah difailkan oleh perayu-perayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('hakim MS') yang telah menolak permohonan mereka untuk menerima yuran guaman masing-masing dari harta yang telah disita dan disenaraikan di dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan PU (B) 365 bertarikh 1 November 2012 ('rayuan').

LATAR BELAKANG

[1] Kesemua perayu adalah peguam yang telah mewakili anakguam masing-masing yang merupakan pihak ketiga ('pihak ketiga') dalam satu tuntutan terhadap harta yang disita di bawah s 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Pemilik harta disita itu adalah Hitech Technology Objective Enterprise dan Pengarahnya, Mohd Riezwan bin Jalil dan Basri bin Samsudin. Senarai harta disita terdapat pada ms 460–466 Jld 2(c) rekod rayuan.

[2] Di akhir pendengaran tuntutan pihak ketiga, hakim MS telah mendapati bahawa pihak ketiga adalah penuntut yang suci hati dan membuat perintah untuk harta yang disita dilepaskan kepada pihak ketiga itu. Keputuan itu telah dirayu oleh pihak Pendakwaan ke Mahkamah Tinggi di mana mahkamah memutuskan bahawa harta disita itu merupakan hasil daripada aktiviti haram dan harus dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Tidak berpuas hati dengan keputusan itu, pihak ketiga kemudiannya memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan melalui dua notis rayuan bertarikh 10 Februari 2019 dan 9 Ogos 2019. Sementara rayuan itu didengar dan diputuskan, Perayu-perayu yang merupakan peguam kepada pihak ketiga telah memfailkan permohonan bertarikh 8 Januari 2020 supaya yuran guaman setiap mereka dibayar dari harta disita tersebut memandangkan klien mereka tidak berkemampuan untuk membayar yuran guaman kerana aset mereka terikat dengan sitaan tersebut.

[3] Rayuan pihak ketiga telah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan pada 22 November 2023 (Kes No B-09–65–02 Tahun 2019). Mahkamah ini dimaklumkan bahawa perkara rayuan itu telah diselesaikan antara pihak-pihak dan satu perintah telah direkodkan. Mahkamah ini telah menyemak minit perbicaraan di Mahkamah Rayuan dan berdasarkan perintah bertarikh 22 November 2023 tersebut, perayu-perayu telah bersetuju menuntut hanya 40% daripada jumlah tuntutan sebagai amaun penyelesaian penuh dan muktamad.

ALASAN KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN

[4] Di dalam keputusannya, hakim MS telah mendapati berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan rayuan pihak Pendakwaan terhadap keputusannya yang dibuat lebih awal, permohonan Perayu-perayu di dalam Rayuan ini hams ditolak kerana harta disita tersebut telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi sebagai hasil dari aktiviti haram dan wajar dilucuthakkan. Sandaran telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Lim Long Yew dan lain-lain lwn Pendakwa Raya (Md Shukri bin Shahudin dan lain-lain, pihak ketiga)* [2017] 9 MLJ 787, di mana telah diputuskan bahawa yuran guaman penuntut tidak boleh dibayar dari

wang responden yang disita dan telah diklasifikasikan sebagai wang dari aktiviti haram. Di dalam kes itu, mahkamah telah berpendapat bahawa wang yang telah diklasifikasikan sebagai hasil aktiviti haram tidak boleh dikeluarkan untuk apa-apa tujuan melainkan dilucuthakkan.

HUJAHAN PIHAK PIHAK

Hujahan perayu-perayu

[5] Perayu-perayu menghujahkan bahawa hak seseorang untuk diwakili peguam pilihannya seperti termaktub di bawah perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan membawa erti hak itu tercakup kewajiban untuk membayar khidmat guaman yang boleh dibayar menurut peruntukan s 44(3)(b)(v) AMLATFA. Seksyen tersebut memperuntukan:

> (3) Dalam membuat suatu perintah di bawah Subseksyen (1), agensi penguat kuasa itu boleh memberikan arahan kepada orang yang dinamakan atau diperihalkan dalam perintah itu yang berhubungan dengan pelupusan harta itu bagi maksud:
>
> (a) menentukan apa-apa pertikaian tentang pemunyaan atau kepentingan lain mengenai harta itu atau mana-mana bahagiannya;
>
> (b) pentadbirannya yang wajar dalam tempoh perintah itu;
>
> (c) *pembayaran kos orang itu bagi membela dirinya dalam prosiding jenayah terhadapnya*. (Penekanan ditambah.)

[6] Dalam menyokong hujahan ini, perayu-perayu telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Md Sukri bin Salleh & 10 Others v Public Prosecutor* (Rayuan Jenayah No W-09–432–11 Tahun 2016) (tidak dilaporkan), di mana Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan peguam-peguam terhadap keputusan di dalam kes *Lim Long Yew*. Oleh kerana alasan penuh keputusan Mahkamah Rayuan tersebut tidak disediakan, maka perayu-perayu merujuk kepada 'Speaking Note' dari minit prosiding rayuan itu sebagai sandaran di mana Peguam Kanan Gopal Sri Ram telah mengemukakan hujahan berkaitan perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan tadi. Perayu-perayu menghujahkan berpandukan 'Speaking Note itu dapat dirumuskan keputusan Mahkamah 'Rayuan telah menerimapakai hujahan tersebut.

[7] Rujukan juga telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Amar Asyraf bin Zolkepli (Public Islamic Bank Bhd, pihak ketiga), (Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co, pencelah)* [2019] MLJU 231; [2019] 1 LNS 276, di mana mahkamah telah juga membenarkan tuntutan yuran guaman atas dasar mahkamah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Md Sukri bin Salleh*:

[35] Perlantikan Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co untuk mewakili Responden adalah hak-hak yang termaktub di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan, justeru firma guaman itu berhak untuk menuntut dan menerima fi guaman daripada Responden.

[36] Untuk tuntutan ini peguam pencelah telah merujuk dan melampirkan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di mana mahkamah telah membenarkan tuntutan beberapa firma peguam di antaranya Tetuan Isharidah Ho Chong & Menon, Tetuan Stanley Agustine & Co dan Tetuan Haresh Mahadevan & Co yang menuntut bayaran guaman dari harta yang disita iaitu kes Md *Sukri bin Shahudin dan 10 yang lain lawan PR*, Rayuan Jenayah W-09-432–11 Tahun 2016. Kes rayuan ini bermula dari mahkamah sesyen dan peguam kanan persekutuan yang mengendalikan kes pemohon dengan jujur mengakui beliau sedia maklum dengan keputusan kes rayuan ini kerana beliau terlibat dengan kes tersebut di mahkamah sesyen dan di Mahkamah Tinggi. Justeru walaupun tiada penghakiman bertulis, mahkamah berpendapat fakta dalam kes rayuan tersebut adalah sama dengan kes ini untuk isu tuntutan bayaran firma guaman.

[37] Kedudukan undang-undang jelas iaitu mahkamah bawahan terikat dengan keputusan mahkamah yang lebih tinggi, *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] MLRA 653, *Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran* [2006] 6 MLJ 689; [2006] 2 MLRH 283.

[8] Berpandukan kepada keputusan-keputusan tersebut, perayu-perayu menghujahkan bahawa Mahkamah ini juga adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam *Md Sukri bin Salleh* dan dengan yang demikian rayuan ini harus dibenarkan. Perayu-perayu turut menghujahkan bahawa perayu-perayu adalah merupakan pihak ketiga suci hati di bawah s 61(4) AMLATFA dan berhak untuk menuntut yuran guaman terhadap harta disita. Seksyen 61(4) AMLATFA memperuntukkan:

61 Pihak ketiga yang suci hati

(1) peruntukan di dalam bahagian ini hendaklah terpakai tanpa menjejaskan hak pihak ketiga yang suci hati.

(2) Mahkamah yang membuat perintah pelucuthakan di bawah Seksyen 55 atau hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat 67 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan di bawah Subseksyen 56(1) hendaklah menyebabkan supaya disiarkan suatu notis dalam Warta memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta itu supaya hadir di hadapan Mahkamah itu pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu untuk menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan.

(3) ketiadaan suci hati pada pihak ketiga boleh disimpulkan, oleh Mahkamah atau sesuatu agensi penguat kuasa, daripada hal keadaan objektif hal itu.

(4) Mahkamah atau agensi penguat kuasa hendaklah memulangkan harta itu kepada pihak yang menuntut apabila ia berpuas hati bahawa:

(a) pihak yang menuntut itu mempunyai suatu kepentingan sah di sisi undang-undang mengenai harta itu;

(b) tiada pengambilan bahagian, pakatan sulit atau penglibatan berkenaan dengan kesalahan di bawah Subseksyen 4(1) atau kesalahan membiayai keganasan yang menjadi tujuan prosiding itu boleh dikaitkan dengan pihak yang menuntut itu;

(c) pihak yang menuntut itu tidak tahu dan jahil tanpa niat tentang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu, atau jika dia tahu, tidak dengan sukarela mengizinkan penggunaan menyalahi undang-undang harta itu;

(d) pihak yang menuntut itu tidak memperoleh apa-apa hak mengenai harta itu daripada seseorang yang tindakan diambil terhadapnya di bawah hal keadaan yang menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa apa-apa hak telah dipindahkan hakmilik bagi maksud mengelakkan pelucuthakan harta itu pada akhirnya kemudiannya; dan

(e) pihak menuntut itu telah melakukan segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu.'

Hujahan responden

[9] Pihak responden pula menghujahkan perayu-perayu tidak berhak untuk memohon pembayaran yuran guaman dari harta yang disita kerana ianya tidak selaras dengan tujuan peruntukan s 61(4)(d) AMLATFA yang memperuntukkan:

(4) Mahkamah atau agensi penguat kuasa hendaklah memulangkan harta itu kepada pihak yang menuntut apabila ia berpuas hati bahawa:

...

(d) *pihak yang menuntut itu tidak memperoleh apa-apa hak mengenai harta itu daripada seseorang yang tindakan diambil terhadapnya di bawah hal keadaan yang menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa apaapa hak telah dipindahkan hakmilik bagi maksud mengelakkan pelucuthakan harta itu pada akhirnya kemudiannya*; (Penekanan ditambah.)

[10] Berpandukan kepada keputusan di dalam kes *Lim Long Yew*, responden menghujahkan bahawa yuran guaman perayu-perayu tidak boleh dibayar dari wang hasil aktiviti haram yang disita dan perayu-perayu perlu membawa tindakan berasingan terhadap kliennya untuk mendapatkan bayaran fi guaman tersebut. Di dalam kes *Lim Long Yew*, mahkamah telah menurunkan pendapatnya seperti berikut:

Pada hemat mahkamah ini, sekiranya wang tersebut telahpun diklasifikasikan sebagai wang haram hasil daripada aktiviti haram, maka wang tersebut tidak boleh dikeluarkan bagi apa-apa maksud sekalipun melainkan ianya dilucuthakan oleh pihak Kerajaan. Tindakan untuk mengeluarkan wang tersebut bagi membuat pembayaran kos guaman peguam, pada hemat mahkamah ini seolah-olah

melepaskan tindakan terhadap orang yang mana tindakan pelucuthakan harta telahpun dibuat terhadapnya. Justeru itu, ianya seolah-olah tiada tindakan pelucuthakan harta dibuat terhadap orang tersebut. Sekiranya begitu, mahkamah ini bersetuju dengan hakim sesyen bahawa tindakan tersebut tidak selaras dengan objektif AMLATFA dan mengecualikan orang tersebut daripada suatu tindakan undang-undang yang sepatutnya dikenakan terhadapnya diatas kesalahan yang dilakukan. Justeru itu, mahkamah ini berpendapat bahawa dengan memberikan perintah untuk mengeluarkan wang bagi dibuat pembayaran kos kepeguaman yang belum dijelaskan dan terhutang oleh Tertuduh-tertuduh kepada pihak penuntut kesepuluh dan kesebelas sebagai peguam mereka adalah jelas bertentangan dengan peruntukan s 61(4)(d) AMLATFA. Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa pihak-pihak perayu kesembilan (Tetuan Isharidah Ho Chong & Menon), kesepuluh (Tetuan Stanley Augustine & Co) dan kesebelas (Tetuan Haresh Mahadevan & Co) tidak mempunyai kepentingan yang sah di sisi undang-undang menurut s 61(4)(a) AMLATFA. Sekiranya mereka berhajat untuk memperolehi semula kos guaman mereka, tuntutan kos guaman tersebut perlulah dibuat dalam prosiding yang berasingan terhadap mereka per se dan bukannya daripada wang hasil aktiviti haram yang telah diputuskan oleh mahkamah.

A B C D

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[11] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang tidak boleh di pertikai bahawa mahkamah yang mendengar rayuan terhadap suatu keputusan tidak wajar untuk mengganggu dapatan mahkamah perbicaraan kecuali apabila mahkamah perbicaraan telah melakukan salah arah fakta atau undang-undang yang substantif (lihat keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam *Mat Shah bin Mohamed & Anor v Foo Say Meng & Ors* [1984] 1 MLJ 237 dan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395).

E F

[12] Dalam mempertimbang rayuan ini, mahkamah menyentuh terlebih dahulu mengenai keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Md Sukri bin Salleh & 10 Others v Public Prosecutor* (Rayuan Jenayah No W-09–432–11 Tahun 2016) (tidak dilaporkan) serta 'Speaking Note' yang disandarkan oleh perayu-perayu.

G

[13] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas bahawa pengecualian kepada pemakaian prinsip 'stare decisis' adalah dalam keadaan di mana mahkamah yang lebih tinggi tidak menyediakan alasan penghakiman yang penuh untuk satu keputusan. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah rendah adalah tidak terikat dengan keputusan itu. Perkara ini telah dibincang oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Malaysian Motor Insurance Pool v Tirumeniyar a/l Singara Veloo* [2020] 1 MLJ 440; [2019] 10 CLJ 731 (MP); *Vishnu a/l Telagan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] 6 MLJ 1; [2019] 9 CLJ 177 (MP); dan *Datuk Tan Leng Teck v Sarjana Sdn Bhd & Ors* [1997] 4 MLJ 329; [1997] 3 CLJ 421. Di dalam kes *Kanagasingam a/l*

H I

Anantham v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 4 MLJ 103; [2019] 7 CLJ 600, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> The appellant heavily relied on the case of Abdul Wahid, because the issue raised is related to s 5(4) of the SPM Act which is relevant and similar as the issue raised in the present case. The appellant urged upon us to follow this case because according to him the case was on appeal by the senior federal counsel for the respondents to the Federal Court and the appeal was dismissed on 16 August 2018. The appellant did not produce the written grounds from the Federal Court. Although the appellant produced the order of the Federal Court dated 16 August 2018, and tried to convince us that there was only one issue raised, ie delay under s 5 of the SPM Act, it was our view that without the written grounds, we would not be able to know whether the appeal was dismissed on the said issue raised. We cannot speculate whether the decision was based on delay issue or it could be based on some other reasons. We cannot agree with the appellant that we are bound by the decision of the Federal Court in *Abdul Wahid*'s case.

[14] Maka, walaupun perayu-perayu membuat rujukan kepada 'Speaking Note' di dalam kes tersebut, perkara itu tidak boleh di samakan dengan alasan keputusan Mahkamah Rayuan. Tanpa adanya alasan penghakiman yang penuh, mahkamah tidak boleh membuat andaian atau rumusannya sendiri mengenai dasar keputusan itu. Dengan yang demikian, secara prinsipnya mahkamah ini tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan itu dan dengan hormatnya memilih untuk tidak bersependapat dengan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Amar Asyraf* atas isu ini.

[15] Keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Amar Asyraf* telah pun diketepikan oleh Mahkamah Rayuan di dalam *Deputy Public Prosecutor v Amar Asyraf bin Zolkepli (Public Islamic Bank Bhd, third party) (Messrs Wan Shahrizal, Hari & Co, intervener)* [2020] 12 MLJ 287. Secara asasnya, setelah membuat analisa dan perbincangan terperinci mengenai undang-undang terkait, Mahkamah Rayuan berpendapat peguam yang mencelah tidak tergolong sebagai pihak ketiga suci hati yang mempunyai hak untuk menuntut bayaran yuran guaman dari wang hasil aktiviti haram yang telah disita dan mendapati Mahkamah Tinggi telah khilaf dalam berpendapat sebaliknya:

> [37] Clearly, the law in Singapore and Malaysia has no such express provision as the South African POCA which allows for the payment of the legal expenses from the seized property. Therefore, the High Court judge in the instant case erred in allowing the intervener's application for the legal fees to be paid from the respondent's seized properties as there was no express provision allowing the said application and it was against the intention of the legislature in enacting the Act.
>
> ...
>
> [41] In the circumstances, the intervener has the recourse to take legal action against the respondent for the unpaid legal fees under the said contract. This action is an action in personam and no proprietary interest can be attached to the respondent's

seized properties which is the proceeds of an unlawful activity. This is applicable only if judgment has been obtained against the respondent for the payment of the legal fees, which is none in the present case.

[42] In addition, if legal fees or any unpaid debt can be paid from the seized property under this Act, in particular if the debt is only based on the bill issued by the creditor, arrangement can easily be made by the creditor and the owner of the seized property to avoid the forfeiture of the said property. This clearly, will frustrate the intention of the legislature and not in compliance with sub-s 61(4)(d) of the Act which states:

(c) the claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under the circumstances that give rise to a reasonable inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property;

[43] Therefore, we are of the considered view that the respondent's legal fees cannot be paid from his seized properties and the intervener has no legitimate legal interest in the property. Consequently, the intervener cannot be considered as a bona fide third party under the Act.

[16] Perlu disebut, Mahkamah Rayuan juga telah membuat komen terhadap dapatan Mahkamah Tinggi mengenai keterikatan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam *Md Sukri bin Salleh* ke atasnya sedangkan tidak ada alasan penghakiman telah disediakan dalam keputusan itu:

[50] We also noted that the High Court judge in allowing the application for payment of the legal fees premised his decision on the fact that he was bound by the decision of this court in *Md Sukri bin Shahudin lain-lain lwn Pendakwa Raya* (Criminal Appeal W-09–432–11 Tahun 2016) (unreported). However, there was no written judgment of the said case for the High Court to appreciate the ratio and reasons for its decision.

[17] Keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Amar Asyraf* telah dirayu oleh firma guaman yang berkenaan ke Mahkamah Persekutuan dan dilaporkan sebagai *Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co v Public Prosecutor* [2023] 4 MLJ 1, di mana keputusan majoriti telah memutuskan untuk menolak rayuan firma itu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan.

[18] Keputusan Mahkamah Persekutuan ini adalah sangat releven kepada pertimbangan mahkamah di dalam rayuan ini. Keputusan Mahkamah Persekutuan itu dapat di rumuskan seperti berikut:

(a) hakim Mahkamah Tinggi telah khilaf apabila berpendapat beliau terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Md Sukri* dalam keadaan tidak ada alasan penghakiman disediakan oleh Mahkamah Rayuan;

(b) harta dari aktiviti haram tidak tergolong sebagai harta sah di bawah

undang-undang yang boleh digunakan untuk membayar yuran guaman;

(c) tindakan membenarkan bayaran yuran guaman dari harta hasil aktiviti haram yang di sita dan dilucut hak adalah berlawanan dengan semangat dan peruntukan AMLATFA; dan

(d) status pemohon sebagai peguam tidak memberi hak kepentingan untuk mendapat bayaran yuran guaman dari harta yang telah disita dan bakal dilucuthak.

[19] Maka, berbalik kepada rayuan ini, apakah boleh dikatakan kedudukan perayu-perayu di dalam kes ini adalah berbeza dari peguam-peguam di dalam kes *Lim Long Yew*, *Md Sukri* dan *Wan Shahrizal*. Di dalam ketiga-tiga kes tersebut, peguam-peguam telah bertindak sebagai peguam responden sedangkan di dalam rayuan ini, perayu-perayu telah bertindak bagi pihak ketiga. Seperti yang telah dibincangkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wan Shahrizal*, pemohon yang juga peguam perlu menunjukkan bahawa ia bukan sahaja mempunyai kepentingan didalam harta yang telah disita tetapi mempunyai kepentingan yang sah:

> [24] Having formed his opinion that the facts of the present case were similar ('sama') to the facts in Md Sukri, the learned judge went on to rule that the bills produced by the appellant were sufficient proof that it is a bona fide third party and therefore entitled to the RM398,722 seized from Amar, without directing his mind to the question whether the appellant had a legitimate legal interest (not just any interest) in the RM398.722, which is the proceeds of an unlawful activity.
>
> [25] This is a serious misdirection by way of non-direction which renders the judgment defective and liable to be set aside. The bills that the appellant produced in support of its claim are not proof that it is a bona fide third party and has a legitimate legal interest in the RM398,722. The fact that there was no objection to the production of the bills as evidence is of no consequence because all that the bills established was that Amar had been charged RM398,722 in legal fees by the appellant for the legal services that it rendered to him.
>
> ...
>
> [32] Whether or not the requirements have been fulfilled is purely a question of fact, and such requirement for proof must be fulfilled by all third parties claiming entitlement to the property, law firms included. In the present case, the burden has not been discharged by the appellant as no such evidence was produced before the court. In any case, we have not been shown the evidence save for the bills charged to Amar as legal fees, which we repeat merely shows that Amar owes that sum of money to the appellant.

[20] Berdasarkan petikan di atas, adalah jelas terdapat keperluan untuk menunjukkan bahawa responden yang hartanya disita berhutang dengan peguamnya sebelum peguam boleh dikatakan mempunyai kepentingan yang sah ke atas harta yang disita itu. Bahkan pada peringkat Mahkamah Rayuan,

mahkamah telah berpendapat kepentingan sah itu hanya boleh dibuktikan jika terdapat satu penghakiman terhadap responden untuk pembayaran yuran guaman yang terhutang itu:

> [40] Reverting to the instant case, firstly, there was a contractual relationship between the Intervener and the respondent. It was a contract between a solicitor and his client. This has been lucidly explained by the Federal Court in *Gurbachan Bagawan Singh & Ors v Vellasamy Pennusamy & Other Appeal* [2015] 1 MLJ 773; [2015] 1 CLJ 719 in the following words:
>
> > [43] Once a solicitor-client relationship exists and thus a retainer, it 'put into operation the normal terms of the contractual relationship including in particular the duty' of the solicitor 'to protect the interest' of his client 'in matters to which the retainer relates by all proper means'.
>
> [41] In the circumstances, the Intervener has the recourse to take legal action against the respondent for the unpaid legal fees under the said contract. This action is an action in personam and no proprietary interest can be attached to the respondent's seized properties which is the proceeds of an unlawful activity. *This is applicable only if judgment has been obtained against the respondent for the payment of the legal fees, which is none in the present case*'.
>
> [42] In addition, if legal fees or any unpaid debt can be paid from the seized property under this Act, in particular if the debt is only based on the bill issued by the creditor, arrangement can easily be made by the creditor and the owner of the seized property to avoid the forfeiture of the said property. This clearly, will frustrate the intention of the legislature and not in compliance with sub-s 61(4)(d) of the Act which states:
>
> > (d) the claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under the circumstances that give rise to a reasonable inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property;
>
> [43] Therefore, *we are of the considered view that the respondent's legal fees cannot be paid from his seized properties and the intervener has no legitimate legal interest in the property.* Consequently, the Intervener cannot be considered as a bona fide third party under the Act'. (Penekanan ditambah.)

[21] Berbalik kepada kedudukan perayu-perayu, mahkamah berpendapat perayu-perayu tidak mempunyai kepentingan yang sah ke atas harta yang disita itu atas alasan:

(a) perayu-perayu bukan peguam responden, maka hubungan atau 'nexus' perayu-perayu dengan responden dan harta di sita adalah jauh atau 'remote';

(b) tidak ada hubungan kontrak antara perayu-perayu dengan responden bagi khidmat guaman;

(c) perayu-perayu tidak mempunyai apa-apa penghakiman terhadap

responden yang memberi hak kepada perayu-perayu ke atas harta responden; dan

(d) kepentingan untuk dibayar adalah terhadap pihak ketiga sebagai anakguam.

[22] Maka, perayu-perayu tidak mempunyai hak samada *'in personam'* terhadap responden atau 'in rem' terhadap harta disita tersebut. Keadaan ini mungkin berbeza jika pihak ketiga telah lebih awal menyerahhak secara mutlak melalui satu dokumen penyerahan hak kepada perayu-perayu kepentingan pihak ketiga ke atas harta responden atau mana-mana bahagian darinya untuk memuaskan apa-apa yuran guaman yang boleh di bayar oleh pihak ketiga kepada perayu-perayu. Namun penyerahan hak sedemikian tidak pernah dilaksanakan di dalam rayuan ini.

[23] Mahkamah juga berpendapat tindakan membenarkan tuntutan yuran guaman pihak ketiga terhadap harta responden yang disita bukan sahaja tidak diperuntukkan di bawah AMLATFA tetapi juga akan menyebabkan mana-mana pihak ketiga bebas untuk tidak membayar yuran guaman peguamnya dan membiarkan peguam tersebut menuntut terhadap harta disita. Ini adalah tidak selaras dengan undang-undang mengenai tujuan sitaan dan pelucutanhak hasil dari aktiviti haram dan membolehkan satu salahguna undang-undang untuk responden berpakat dengan pihak ketiga untuk membolehkan harta disita dikecualikan atas alasan pembayaran yuran guaman seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wan Shahrizal*:

> [35] The proposition in the last ground above is fascinating and has far reaching consequences. For all intents and purposes, it suggests that being a bona fide third party by default (as an officer of the court), a lawyer is entitled to be paid his legal fees using property seized under sub-ss 50(1) and 51(1) without having to show cause under s 61(4) as to why the property should not be forfeited but to be released to him as a matter of right. All that he needs to do is to show that he is the lawyer representing the person whose property has been seized under the Act. Once that is shown, the bona fide of his claim would have been established.
>
> [36] Effectively this will, as against lawyers, render sub-s 56(2)(a) of the Act completely redundant and bereft of all meaning, a major impediment to the Government's effort to combat money laundering, as illegal money seized under the Act could then be cleansed by using it to pay for lawyers fees.

[24] Sebagai penekanan, s 44 jelas menyentuh tentang '... pembayaran *kos orang itu bagi membela dirinya* dalam prosiding jenayah terhadapnya ...' dan bukan apa-apa kos guaman kepada mana-mana pihak ketiga yang membuat tuntutan. Oleh kerana pihak ketiga di dalam rayuan ini bukan orang yang membela diri terhadap satu tindakan sitaan, maka s 44 tidak terpakai kepada pihak ketiga yang membuat tuntutan terhadap harta disita di bawah s 64.

[25] Di samping itu, s 61(4) tidak memberi satu saluran atau 'conduit' kepada pihak ketiga yang peguamnya mempunyai hak tuntutan yuran guaman terhadapnya untuk membolehkan peguam itu menuntut terhadap harta responden. Pada pendapat mahkamah ini, tuntutan pihak ketiga yang suci hati adalah terhad kepada hak yang pihak ketiga itu secara langsung mempunyai kepentingan yang sah ke atas harta disita dan tidak terjangkau kepada mana-mana pihak lain yang mempunyai hak kewangan terhadapnya. Mahkamah tidak berpendapat mana-mana peruntukan s 64(3) memberi pengecualian kepada perkara itu. Maka, perayu-perayu tidak termasuk di dalam golongan pihak ketiga yang suci hati mempunyai kepentingan sah terhadap harta tertuduh.

[26] Sebagai perbincangan tambahan, s 61 AMLATFA menetapkan sebelum satu perintah perlucutanhak dibuat terhadap harta yang disita, satu gazet hendaklah diterbitkan memanggil mana-mana pihak ketiga untuk memberi sebab mengapa harta itu tidak patut dilucuthakkan. Pembacaan s 61(4) jelas menyatakan pihak ketiga yang menuntut itu telah mempunyai satu kepentingan sah untuk harta tersebut *dipulangkan* kepadanva. Perlu ditekankan, penggubal undang-undang telah menggunakan perkataan 'memulangkan' pada s 61(4):

> ... mahkamah atau agensi penguat kuasa hendaklah *memulangkan* harta itu kepada pihak yang menuntut apabila ia berpuas hati bahawa ... (Penekanan di tambah.)

[27] Secara literal perkataan 'memulangkan' membawa erti untuk mengembalikan sesuatu kepada asalnya atau pemunyanya. Maka, satu tuntutan yuran guaman khususnya yuran guaman perayu-perayu di dalam kes ini tidak boleh dikatakan sebagai satu tuntutan untuk memulangkan harta milik mereka atau yang mereka mempunyai kepentingan sah ke atasnya. Tuntutan perayu-perayu hanyalah tuntutan hutang yang perayu-perayu cuba pindahkan pertanggungjawabannya dari klien mereka kepada harta tertuduh. Hal demikian adalah jelas tidak bertepatan dengan tujuan peruntukan s 61(4) tadi.

[28] Sebagai melengkapkan pertimbangan terhadap hujahan perayu-perayu, mahkamah berpendapat oleh kerana tuntutan perayu-perayu tidak termasuk dalam ruang lingkup s 44(3) mahupun 64(1) AMLATFA, maka hujahan mengenai hak pihak ketiga untuk boleh membayar kos guamannya di bawah perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai merit. Pada pendapat mahkamah hujahan itu tidak mempunyai kaitan dengan hak peguam untuk mendapatkan yuran guamannya. Hujahan berkenaan perkara 5(3) telah disinggung oleh Mahkamah Persekutuan di dalam *Wan Shahrizal* seperti berikut:

> [46] Anyway, the guaranteed fundamental right to be represented by counsel of

A one's choice under art 5(3) of the Federal Constitution has no bearing on the issue before the court, which is whether the counsel of one's choice is entitled to be paid his legal fees using money that is the proceeds of an unlawful activity.

[47] For this reason, counsel's contention that the Court of Appeal's interpretation of s 61(4) has rendered the right to counsel illusory is a total misconception and failure to comprehend the purpose behind the forfeiture provisions. Counsel's argument if accepted will defeat the legislative object of the Act rather than to put its object into effect.

KESIMPULAN

C

[29] Sebagai kesimpulan, mahkamah mendapati setelah mempertimbang semua fakta dan hujahan serta berdasarkan perbincangan di atas, keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wan Shahrizal* bahawa tiada tuntutan yuran guaman boleh dibuat terhadap harta hasil dari aktiviti haram adalah terpakai tidak sahaja kepada keadaan di mana tuntutan yuran guaman dibuat oleh peguam responden terhadap harta responden yang disita tetapi juga mencakupi kepada tuntutan yuran guaman peguam pihak ketiga.

[30] Yuran peguam pihak ketiga bukan satu tuntutan yang boleh dibuat di bawah s 44 mahupun s 61(4) AMLATFA dan dengan demikian, perayu-perayu tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan kos guaman terhadap harta responden yang disita.

[31] Perayu-perayu telah gagal membuktikan di atas imbangan keberangkaian bahawa mereka telah memenuhi semua syarat sebagai penuntut pihak ketiga yang suci hati di bawah s 61(4) AMLA. Adalah menjadi ketetapan undang-undang seperti yang telah diputuskan di dalam keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Boon Ee dan lain-lain lwn Pendakwa Raya* [2021] MLJU 1259; [2021] CLJU 1084, bahawa dalam membuat satu tuntutan sebagai pihak ketiga suci hati, pemohon hendaklah memuaskan semua peruntukan 61(4)(a) sehingga (e).

[32] Hak tuntutan perayu-perayu hanyalah terhadap klien mereka, iaitu pihak ketiga dan dengan demikian tindakan yang wajar adalah untuk mereka membawa tindakan menuntut yuran guaman mereka dari klien mereka masing-masing, lebih-lebih lagi apabila Perintah Mahkamah Rayuan di dalam Kes No B-09–65–02 Tahun 2019 telah membenarkan 40% dari tuntutan mereka.

KEPUTUSAN

[33] Dengan itu, rayuan setiap perayu ditolak. Keputusan mahkamah sesyen dikekalkan.

Rayuan ditolak; keputusan mahkamah sesyen dikekalkan.

Dilaporkan oleh Muhamad Azham Marwan